

**TEKS UCAPTAMA  
KONGRES ANTARABANGSA BAHASA DAN BUDAYA**

**TEMA  
BUDAYA DILESTARI BAHASA DIPERKASA**

**Pada Hari Sabtu  
16 Syawal 1432H Bersamaan 17 September 2011**

**Oleh  
Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia  
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka  
Haji Awang Othman,  
*Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri***

**Bertempat:  
Di Dewan Plenary,  
Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas  
Negara Brunei Darussalam**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الحمد لله ربّ العالمين وبه نستعين على أمور الدنيا والدين  
والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيّدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين  
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

### ***Sebermula***

Sudah takdir Allah *Subhanahu wa Ta'ala* ucaptama ini dibuat dan disampaikan dalam bahasa Melayu, bahasa ibunda rakyat Brunei. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menentukan bahawa di samping puluhan bahasa dialek puak-puak, kaum-kaum dan sesetengah kelompok masyarakat yang bertanahairkan Brunei, namun lidah mereka sebagai rakyat Brunei adalah lidah yang juga menuturkan bahasa Melayu.

Lidah berbahasa Melayu itu tetap terus kekal sekalipun setelah berinteraksi dengan pengaruh-pengaruh yang mendatang.

Misalnya sahaja kedatangan Islam enam ratus tahun yang lalu. Brunei telah menerima Islam sebagai anutan kepercayaan dan pegangan cara hidup. Walaupun sedemikian kuatnya pengaruh Islam yang berbahasa Arab ke atas Brunei namun negara bertuah ini tidak pula sampai bertukar menjadi negara berbahasa Arab. Sebaliknya Brunei tidak kehilangan bahasanya, bahasa Melayu. Malah dengan perantaraan bahasa Melayu itulah pula Islam telah disebar dan dikembangkan sampai ke zaman sekarang ini.

### ***Fenomena Bahasa***

Sedemikian itulah fenomena bahasa di kalangan umat manusia. Masing-masing menuturkan bahasanya. Masing-masing menggunakan bahasanya.

Tetapi ada kajian menemukan bahawa semenjak manusia tahu bertutur sekurang-kurang sebanyak tiga puluh ribu bahasa telah pupus. Kini ada sekitar lima ribu bahasa yang dituturkan sebagai bahasa pertama.

Dan kajian juga meramalkan bahawa daripada lima ribu bahasa yang dituturkan sebagai bahasa pertama itu kira-kira separuh daripadanya iaitu dua ribu lima ratus yang akan pupus.

Apakah bahasa kita, bahasa Melayu terjumlah ke dalam bahasa-bahasa yang akan pupus itu?

Nanti kita berikan jawabannya.

Yang jelas ialah bahasa Melayu adalah bahasa keempat terbesar setelah bahasa Inggeris, Mandarin dan Sepanyol. Ia dituturkan oleh lebih dua ratus lima puluh juta manusia. Dan bagi Brunei, bahasa Melayu itulah yang dituturkan sebagai *lingua franca* – bahasa perhubungan, bahasa perantaraan dan bahasa perpaduan sejak zaman dahulu, digunapakai dengan meluas hatta dalam perhubungan dengan bangsa-bangsa lain. Kita dapat kesan pada naskhah-naskhah perjanjian yang dibuat dengan peneroka-peneroka dari Eropah dan Amerika serta naskhah surat kepada sebuah kerajaan lain di Asia Barat.

Seperti *Naskhah Perjanjian dengan Great Britain tahun 1888*, dan naskhah surat yang dikirim oleh Sultan Hashim Jalilul Alam kepada Sultan Turkey, Sultan Abdul Hamid II bertarikh 15 Mei 1903.

**\*(tayangkan: *Naskhah Perjanjian dengan Great Britain tahun 1888*, dan naskhah surat yang dikirim oleh Sultan Hashim Jalilul Alam kepada Sultan Turkey, Sultan Abdul Hamid II bertarikh 15 Mei 1903).**

## *Mensyukuri Fenomena Bahasa dan Perbezaan Antara Manusia*

Dengan itu kita wajib melafazkan *kalimat tahmid*, pujian *alhamdulillah* tanda mensyukuri nikmat Allah. Kita wajib mengucapkan *lafaz takbir Allahu Akbar* tanda kita mengkagumi kebesaran dan kebijaksanaan Allah serta mengiktiraf kekuasaanNya: bahawa kita sesungguhnya sedang menyaksikan ketepatan teori bahasa manusia menurut lidah puak, kaum dan bangsa yang menuturkannya. Dan hal itu dari sudut pandang agama adalah merupakan sebahagian tanda-tanda kebesaran Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah Ar-Rum, ayat 22 menyatakan:

وَمِنْ آيَاتِهِ خَلْقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْتِلَافُ أَلْسِنَتِكُمْ وَالْوَالِدَاتِ

إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّلْعَالَمِينَ ﴿٢٢﴾

Tafsirnya:

*Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan kebijaksanaanNya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan.*

(Ar-Rum:22)

Kewujudan berbagai-bagai bahasa yang berbeza di kalangan manusia, samalah juga seperti kejadian mereka berbeza suku kaum, puak dan bangsa-bangsa. Berbeza warna kulit dan berbeza cara hidup. Dalam mengalami perbezaan-perbezaan itu, sekalian manusia, sekalian umat dan semua bangsa adalah diseru oleh Allah untuk menerima fenomena perbezaan kaum dan puak bangsa serta perbezaan bahasa sebagai kenyataan yang berhikmah, iaitu *lita'arafu* – “supaya kamu sekalian saling mengenal antara satu sama lain.” Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam ayat 13 surah al-Hujurat:

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا  
إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Tafsirnya:

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).

(Al-Hujurat:13)

Dalam waktu yang sama perbezaan bahasa di kalangan bangsa-bangsa dan puak-puak itu adalah melambangkan jati diri masing-masing. Bahasa adalah merupakan bahagian yang *integral* daripada budaya sesuatu bangsa. Kerana itulah apabila bahasa diperkasakan bermakna juga budayanya dilestarikan. Adalah akan pincang dan tidak akan terjadi dengan sempurna pelestarian budaya suatu bangsa dengan bangsa itu mengabaikan bahasanya.

### ***Jangan Sampai Kufur Nikmat***

Setiap bangsa yang bertamadun berazam untuk memelihara jati dirinya. Masing-masing dengan agenda tersendiri melestarikan budaya dan memperkasakan bahasanya.

Kita akan digelar pengecut, tidak patriotik andainya kita sekarang dan generasi selepas kita di masa yang akan datang tidak bersemangat, tidak berjiwa melestarikan budaya bangsa dan memperkasakan bahasa ibunda.

Bahkan dalam pertimbangan tertentu kita boleh sahaja disifatkan tidak tahu bersyukur. Tidak menghargai nikmat Allah yang mentakdirkan kita menuturkan bahasa kita, bahasa Melayu.

Kita setentunya tidak mahu menjadi bangsa yang disifatkan *kufur nikmat* kerana tidak menghargai kurnia Allah menjadikan lidah kita lidah Melayu, menuturkan bahasanya, bahasa Melayu.

Kita akan disifatkan sedemikian buruk apabila kita tidak mempertahankan bahasa Melayu, tidak memperkasakannya, tidak menuturkannya dengan baik, bahkan perlahan-lahan secara sedar atau tidak sedar kita dan generasi kita tidak lagi menganggapnya layak untuk dituturkan, untuk dijadikan bahasa ilmu, sementelah kerana ada bahasa lain yang kita kuasai. Atau kerana bahasa lain telah menguasai kita!

### ***Melestarikan Budaya Memperkasa Bahasa***

Kita sekarang bercakap mengenai melestarikan budaya dan memperkasakan bahasa.

Budaya yang kita maksudkan ialah dalam maknanya yang syumul, luas dan lengkap sebagai tamadun. Bukan setakat dalam skopnya yang popular iaitu pakaian, makanan, kesenian dan gaya hidup.

Maka budaya atau kebudayaan Brunei yang kita mahu lestarikan itu ialah tamadun bangsa kita yang dihasil dan dibangunkan dari pengalaman sepanjang sejarahnya.

Fakta sejarah menunjukkan bahawa Brunei telah membangunkan tamadunnya hasil pertembungan dengan tamadun-tamadun lain. Dan Brunei telah meng*adaptasi* sebahagian tamadun-tamadun lain itu ke dalam kebudayaannya. Dan yang paling ketara ialah pengaruh tamadun Islam.

Sekalipun Islam tidak sampai menghapuskan sebahagian daripada tamadun yang lebih awal datang ke Brunei namun Islam telah memberikan kepada Brunei ugama yang menjadi anutan raja-raja, pembesar-pembesar serta majoriti rakyat jelatanya. Dengan anutan dan pegangan kepada akidah Islam itulah Brunei terus menempuh sejarahnya sebagai sebuah wilayah dalam lingkungan wilayah negeri-negeri berbahasa Melayu yang diperintah secara beraja Melayu Islam.

Brunei yang di bawah pengaruh Islam itu kemudiannya telah didatangi oleh bangsa-bangsa Eropah dan Amerika.

Sepanjang kira-kira lebih satu abad (1847 - 1959) Brunei menjalin hubungan dengan British. Bahkan tiga kurun sebelum itu pun Brunei juga telah didatangi Sepanyol. Namun Brunei yang tamadunnya didukung kuat oleh pengaruh ajaran Islam telah tidak *kehilangan jati diri* sekalipun ia telah mengalamai kehilangan banyak wilayah.

Yakni: dari sebuah *empire* – Brunei – tinggal menjadi sebuah negeri dan kemudian menjadi negeri kecil, ibarat simpulan bahasa '*tinggal seampap jari*'. Sekalipun tinggal menjadi *mini state* namun Brunei kekal selamat dan bertahan setelah menempuh liku-liku sejarah dan mengalami manis pahit episod-episodnya yang antaranya ialah apabila Brunei menggagalkan usaha Sepanyol dalam tahun 1578 untuk mengkristiankannya.

Itu namanya Brunei telah mengalami tahap mempertahankan jati dirinya. Dan kerananya pula di zaman moden era globalisasi ini Brunei Darussalam kekal seperti adanya sekarang.

### ***Hasil Perjuangan Politik Senyap***

Brunei kekal wujud di zaman ini bukan setakat kerana takdir Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Ianya diperjuangkan dengan gigih dan ikhlas. Perjuangan Brunei itu diredahai oleh Allah dan ditaufikkanNya iaitu dilurus dan dilorongkan oleh Allah sesuai dengan takdirNya untuk

mengekalkan Brunei dengan jati dirinya sebagai negara Melayu Islam Beraja (MIB) – dalam makna negara Melayu berpemerintahan beraja yang kuat dipengaruhi oleh pegangan kepada ugama Islam.

Dalam syarahan ringkas ini, kita sebutkan dengan lantang bahawa Brunei kekal seperti adanya dengan falsafah kenegaraan Melayu Islam Beraja, setaraf dan mampu berinteraksi dengan bangsa-bangsa dan negara-negara lain adalah dengan berkat *perjuangan politik senyap* yang dipelopori oleh Sultan 'Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Teliti dan renungkan tindak tanduk Al-Marhum Arkitek Brunei itu dalam mendapatkan persetujuan kerajaan British ke atas kandungan Perlembagaan Negeri Brunei 1959. Kita akan mendapati betapa sesungguhnya baginda itu berjuang untuk mengembalikan dan seterusnya mengukuhkan asas-asas penting kenegaraan Brunei dengan memaktubkannya ke dalam peruntukan Perlembagaan yang dihasratkan oleh baginda menjadi asas pemerintahan Brunei seterusnya.

**\*(tayangkan Surat-Surat Perlembagaan, 1959 dan perkara-perkara berkaitan)**

*Pertama ialah* mengenai kuasa memerintah tertinggi oleh Sultan.

*Kedua ialah* mengenai Islam dan bahasa Melayu didaulatkan menjadi ugama dan bahasa rasmi negara.

*Ketiga ialah* mengenai hak dan hiraki menaiki tahta pemerintahan beraja menerusi Undang-Undang Pemasyhuran Mengakat Raja dan Melantik Pemangku Raja.

Dan *Keempat ialah* mengenai taraf kerakyatan mutlak bagi tujuh puak dari rumpun Melayu rakyat jati Brunei.



Itulah suatu perjuangan – *perjuangan politik senyap*. Menerusinya Brunei telah melestarikan budayanya dan akan terus mengukuhkan tamdunnya sebagai negara Melayu berpemerintahan beraja yang kuat dipengaruhi oleh pegangan kepada agama Islam.

Kesemua itu terjadi dengan kesedaran bahawa Brunei mesti kekal dengan kukuhnya sebagai negara MIB yang akan seterusnya mengharungi dan mengalami perkembangan dalam golobalisasi dan *tatanan baru dunia* atau *the new world order* di mana negara-negara dan bangsa-bangsa saling berkait dan saling mempengaruhi.

Dan jangan lupa, dalam perkembangan selanjutnya itu Brunei akan mengalami proses saling mempengaruhi tamadun dan budaya, sebahagiannya ialah dalam aspek bahasa.

Perkembangan itu perlu ditangani dengan baik. Kerana itulah Brunei telah mengurus ehwal kebahasaan itu menerusi jentera Kerajaan.

### ***Penubuhan DBP***

Maka tertubuhlah Lembaga Bahasa lima puluh tahun yang lalu. Ianya sekarang dikenali dengan nama Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dewan Bahasa dan Pustaka adalah pemangkin usaha mengesankan maksud kerasmian bahasa Melayu. Kerana itu pada tahun-tahun permulaan perasmiannya itu, yakni awal tahun 60-an, Kerajaan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka telah banyak melancarkan kegiatan kebahasaan, untuk menyedarkan dan menyemarakkan penggunaan bahasa Melayu dalam pertuturan, persuratan dan urusan pentadbiran Kerajaan termasuk dalam urusan dengan sektor swasta.

Lalu pada waktu itu bersemaraklah 'semangat' berbahasa Melayu. Berkubar-kubarlah semangat mempelajari bahasa Melayu khasnya di

kalangan orang-orang Tionghua yang juga turut gigih mempelajari tulisan jawi.

Hasil serta kesannya selepas lima puluh tahun Dewan Bahasa wujud, lembaga kebahasaan yang bermotokan *Bahasa Jiwa Bangsa* itu dan kita generasi awal Perlembagaan dapat menyaksikan takah-takah kejayaan dan di samping takah-takah kegagalan kempen-kempen mempromosikan bahasa Melayu seperti Sambutan Bulan Bahasa dan arahan-arahan secara kuat kuasa pentadbiran menerusi Surat-surat Keliling tentang penggunaan bahasa Melayu .

Dewan Bahasa dan Pustaka bersama-sama kita generasi awal Perlembagaan menyaksikan takah kejayaan apabila Kerajaan sendiri tetap kukuh mengamalkan kerasmian bahasa Melayu itu menurut yang diperuntukkan oleh Perlembagaan.

Kita dan DBP menyaksikan takah kegagalan ialah apabila generasi baru Brunei sekarang kurang bersemangat menuturkan bahasa Melayu. Tidak seperti semangat generasi ibu bapa dan keluarga mereka dalam dekad-dekad 60-an dan 70-an dahulu.

### ***Usaha Memartabatkan Bahasa Melayu***

Kerajaan telah berusaha memartabatkan bahasa Melayu itu.

Dalam tempoh 23 tahun dalam era sebelum merdeka dari tahun 1960 hingga tahun 1983 sebanyak sepuluh Surat Keliling telah dikeluarkan oleh Pejabat SUK dan ada sejumlah empat kali titah telah dikurniakan. Rata-rata kesemuanya ialah mengenai kepentingan menggunakan bahasa Melayu yang telah didaulatkan menjadi bahasa rasmi negara.

Dalam tahun 1981 ada Surat Keliling telah dikeluarkan yang merujuk kepada arahan-arahan penggunaan bahasa Melayu yang dibuat sebelumnya. Surat Keliling Bil: 22/1981 bertarikh 27 Oktober 1981 itu

sangat memberi perhatian kepada penggunaan bahasa Melayu dalam pentadbiran dengan menyebutkan bahawa didapati masih ada beberapa jabatan yang menggunakan borang-borang dalam bahasa Inggeris tanpa terjemahannya ke dalam bahasa Melayu.

Dan selepas merdeka sekarang ini, Jabaan Perdana Menteri menerusi Surat Keliling Bil: 21/1988 bertarikh 19 Julai 1988 telah 'memaklumkan' kepada semua Kementerian dan Jabatan supaya mengawasi dan memestikan penggunaan tulisan jawi di samping tulisan rumi pada papan-papan tanda di bangunan-bangunan Kerajaan dan badan perniagaan, termasuk papan-papan nama, papan-papan kenyataan, poster, kepala surat, iklan, kain rentang, nama-nama dan tanda-tanda jalan dan seumpamanya. Sais huruf jawi hendaklah ditulis dua kali ganda besarnya daripada huruf rumi dan hendaklah diletakkan di sebelah atas.

Arahan secara pentadbiran ini masih dipatuhi sampai sekarang.

Walaupun hanya ada satu Surat Keliling mengenai bahasa Melayu dikeluarkan semenjak merdeka namun ada sebanyak enam titah telah dikurniakan.

Itulah antara bukti tentang kesungguhan Kerajaan mementingkan penggunaan bahasa Melayu dan mengekalkan huruf jawi.

Itulah juga bukti bahawa dalam era merdeka sekarang Kerajaan tidak meminggirkan bahasa Melayu. Bahkan bahasa Melayu itu terus menerus diperkasakan.

Dan itulah juga bukti yang meyakinkan kita bahawa Kerajaan tidak berganjak dari dasarnya mengenai mementingkan bahasa Melayu. Kerajaan tetap mahukan Brunei Darussalam ini kekal berbahasa Melayu sekali pun generasi baru anak bangsanya bersekolah dalam dasar persekolahan dwi-bahasa.

## *Sistem Dwi-Bahasa*

Kita tidak menyesali dasar persekolahaan dwi-bahasa yang diperkenalkan sejurus negara ini mengambil alih semula tanggungjawab antarabangsanya sebagai negara berdaulat lagi merdeka.

Kerana apabila kita memasuki era merdeka kita menyedari keperluan dan kepentingan jangka panjang kita. Oleh itu kita mesti segera mengambil langkah untuk mengisi kemerdekaan.

Brunei mesti dikembangmajukan. Rakyatnya mesti diperkasakan.

Brunei yang dikembangmajukan dan rakyat yang diperkasakan adalah dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman.

Aliran persekolahan pada masa itu tidak dapat mendukung hasrat tersebut dengan sebaiknya dan sepenuhnya.

Kita ada Sekolah Melayu dan Sekolah Inggeris. Majoriti murid berada dalam aliran Melayu. Kenyataan pada waktu itu ialah kita tidak mampu meningkatkan persekolahan aliran Melayu itu.

Kita tidak menampak ianya praktikal untuk saluran melahirkan generasi baru Brunei yang dapat menguasai ilmu dalam berbagai bidang profesion yang diperlukan oleh negara.

Kerana itu usaha dan langkah yang segera dan praktikal untuk sampai kepada hasrat tersebut mesti diambil dan dilaksanakan.

Maka itulah yang mendorongkan Kerajaan *beijtihad* mengenalkan aliran persekolahan dwi-bahasa dengan bahasa Inggeris menjadi bahasa pengantar bagi mata-mata pelajaran utama iaitu sains dan metamatik di samping mata pelajaran bahasa Inggeris itu sendiri.

Itulah *ijtihad* namanya. Setelah menimbang buruk baiknya, *pro* dan *kontra* menghapuskan persekolahan aliran Melayu bagi sekolah-sekolah Melayu dan persekolahan aliran Inggeris bagi sekolah-sekolah Inggeris.

Keputusan *ijtihad* Kerajaan pada masa itu ialah menukar dan menggantikan kedua-dua aliran persekolahan itu dengan aliran persekolahan dwi-bahasa.

Orang yang berijtihad pasti akan dapat pahala. Sama ada ijtihadnya betul atau salah dia tetap berpahala. Jika ijtihadnya betul baginya dua pahala. Jika salah, masih dapat satu pahala. Tidak sia-sia. Tidak berdosa.

Sesungguhnya keputusan *ijtihad* itu adalah suatu anjakan paradigma yang sangat penting bagi Kerajaan dan bagi Brunei pada waktu itu.

Tentu sahaja kira sekarang tidak menyesalinya.

Kita menyaksikan hasilnya dan tahu tahap-tahap kejayaannya. Bahawa setelah ia dilaksanakan lebih suku abad ia telah melahirkan generasi baru Brunei yang tampan. Hanya diharapkan mereka tidak akan lupa diri bahawa mereka adalah bertanahairkan Brunei. Mereka diharap akan sentiasa menyedari bahawa tanah airnya Brunei Darussalam yang *tinggal seampap jari* ini mesti dikukuhkan dengan melestarikan budaya tamadunnya dan memperkasakan bahasa ibundanya dalam menyongsong arus globalisasi yang melahirkan *tatanan baru dunia* atau *the new world order*.

Alasannya cukup mudah: Untuk selamat, untuk *survival* sebagai negara dan bangsa yang bermaruah, Brunei hendaklah tidak kehilangan jati diri bangsanya dalam serba kemungkinan pencapaian kemajuannya di berbagai-bagai bidang pembangunan prasarana, sosial, ekonomi dan politik.

Dan dalam proses itu generasi baru Brunei yang tampan, lengkap dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman akan memelihara dan

memajukan kepentingan Brunei pada masa ini dan pada masa-masa akan datang.

Mereka yang bertanggungjawab membawa Brunei tidak sahaja sampai kepada matlamat Wawasan Negara 2035 bahkan melimpasi jauh ke tahap-tahap seterusnya.

Artinya: dari aspek sama ada Brunei akan kekal berbahasa Melayu mereka itulah juga generasi yang bertanggungjawab untuk menjawabnya dengan yakin.

***Jawaban Kepada Pertanyaan: Apakah bahasa Melayu akan turut pupus***

Bagi menjawab apakah bahasa kita, bahasa Melayu akan turut menjadi sebahagian daripada dua ratus lima puluh ribu bahasa yang dituturkan sebagai bahasa pertama yang akan pupus pada abad ini, maka kita katakan bahawa senario suram semacam itu tidak akan terjadi kepada bahasa Melayu. Sebabnya, menurut kajian tersebut bahasa yang akan pupus itu ialah apabila penuturnya kurang daripada seratus ribu orang. Sedangkan bahasa Melayu adalah bahasa yang dituturkan oleh sekitar dua ratus lima puluh juta manusia di seluruh wilayah berbahasa Melayu.

Tidak mungkin wilayah berbahasa Melayu dengan ratusan juta manusia yang menuturkan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama itu akan bertukar menjadi wilayah baharu yang berbahasa asing, kecuali manusia yang berkebangsaan di masing-masing negara wilayah berbahasa Melayu itu bertukar kebangsaan mereka, atau mereka menjadi rakyat dan penduduk minoriti, atau kerana mereka memilih untuk tidak lagi merasa penting bertutur dalam bahasa ibunda mereka, bahasa Melayu.

Itu dalam skop bahasa Melayu yang dituturkan oleh sekitar dua ratus lima puluh juta orang di seluruh wilayah negara-negara berbahasa Melayu.

Sementara dalam skop yang khusus bagi Brunei, kita jangan lupa bahawa bilangan penduduk kita hanya beberapa ratusan ribu orang, tidak sampai setengah juta, termasuk rakyat dan bukan rakyat, termasuk penduduk tetap dan penduduk sementara.

Seandainya sebahagian besar daripada jumlah itu – khasnya rakyat Brunei generasi baharu – memilih untuk tidak menuturkan bahasa Melayu, dan tinggal sahaja sebahagian kecil tidak sampai seratus ribu orang yang kekal berlidah Melayu maka tidak mustahil andaian dalam kajian tersebut itu akan berlaku ke atas Brunei. Tegasnya di Brunei, bahasa Melayu sebagai bahasa pertama akan pupus dalam abad ini jika penuturnya tidak sampai seratus ribu orang.

Maka ketika itu jangan salahkan mereka kerana dilahirkan oleh aliran persekolahan dwi-bahasa.

Mereka lebih menguasai bahasa Inggeris adalah suatu keberuntungan. Mereka juga telah belajar bahasa Melayu dan berjaya mencapai taraf lulus bahkan taraf kepujian dalam peperiksaan peringkat 'O', lebih baik peratusnya daripada sebelum persekolahan aliran dwi-bahasa diperkenalkan.

Dan jangan lupa bahawa mata pelajaran bahasa Melayu adalah dalam kategori mata-mata pelajaran teras dalam SPN-21. Artinya ia tidak setakat wajib dipelajari dan lulus bahkan sama dipentingkan dari segi pembelajaran, setaraf pentingnya dengan mata-mata pelajaran bahasa Inggeris, sains dan matematik.

Dari kenyataan menurut perangkaan keputusan peperiksaan mata pelajaran bahasa Melayu dalam peperiksaan peringkat 'O', generasi Brunei yang dihasilkan oleh aliran persekolahan dwi-bahasa masih menguasai bahasa Melayu itu. Tetapi andainya mereka memilih tidak menuturkannya, maka mungkin sahaja secara tidak disedari semangat mereka akan terus menerus luntur untuk bertutur, berucap, menulis dan

berkerjaya dalam bahasa Melayu. Dan itu memungkinkan akan berlaku tragedi pupusnya bahasa Melayu di Brunei Darussalam yang kesannya akan juga dilihat dalam budaya dan tamadun Brunei. Tentunya hal itu menjejaskan hasrat mengekalkan Brunei untuk selama-lamanya sebagai Negara Melayu Islam Beraja.

Maaf. Kita sebaiknya jangan sampai terpengaruh dengan sikap pesimistik. Ajaran ugama Islam memimpin kita berpandangan positif, mengenyapkan pandangan negatif, supaya kita bersikap optimistik mengharungi masa hadapan dengan berikhtiar memilih jalan-jalan yang dipercayai terbaik dan selamat.

### *Penutup dan Kesimpulan*

Bahagian akhir dan penutup syarahan ini ialah kesimpulan ringkas bahawa bahasa Melayu sememangnya dihasratkan serta diusahakan untuk kekal dan perkasa. Ia sebahagian daripada budaya dan tamadun Brunei yang telah dibangunkan dan mahu terus dilestarikan.

Memandang jauh ke hadapan, dari perspektif zaman kita sekarang, kita tentu masih banyak kerja untuk menjamin budaya kita sempurna dilestarikan dan bahasa kita sempurna diperkasakan.

Kita telah melalui pengalaman berusaha bagi memastikan dan terus menjamin kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang sekaligus berstatus menjadi bahasa kebangsaan kita. Kita insaf sejauh mana kekuatan dan kelemahan kita.

Maka setelah lebih lima puluh tahun bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi negara wajarlah dari sekarang kita *berijtihad* melihat kemungkinan-kemungkinan yang perlu dan wajar dilakukan untuk menyempurnakan pelestarian budaya dalam konteks pemeraksanaan bahasa, termasuk misalnya kemungkinan mengadakan akta bahasa yang akan mengawal dan mempromosikan penggunaan dan pemakaian bahasa Melayu yang



betul, yang laras dan dihormati. Termasuklah juga antaranya menilai semula amalan-amalan berbahasa asing dalam mesyuarat, bengkel, seminar, majlis-majlis yang selayaknya kita berbahasa Melayu kerana yang hadir, ikut serta dan mengambil peranan itu adalah 'kita' – anak watan bangsa yang berlidahkan lidah melayu.

*Demikianlah adanya.*

و بالله التوفيق و الهداية والسلام عليكم و رحمة الله و بركاته

- Badaruddin Othman.  
Daraina – 8, Spg 530 Sg. Besar, Km. 13 Jln. Kota Batu  
BD2517, Brunei.  
Negara Brunei Darussalam.  
*13 Syawal 1432/12 September 2011.*

**Bacaan:**

1. Al-Qur'an, ayat 22 Surah Ar-Rum dan ayat 13 Surah Al-Hujurat
2. Surat-Surat Perlembagaan Negeri Brunei 1959
3. Dokumen-Dokumen Perlembagaan, edisi November 2004 dan November 2008
4. The Brunei Constitution of 1959 – *An Inside History*, B.A.Hussainmiya, Brunei Press Sdn. Bhd. 2000
5. Brunei Revival of 1906, B.A. Hussainmiya, Brunei Press Sdn Bhd. 2006
6. Peranan Agensi-Agensi Kerajaan Dalam Memperkenalkan dan Memperkembangkan Kebudayaan Brunei, (Badaruddin Othman: *Kertas Kerja Seminar Kebudayaan 1985, Anjuran DBP Brunei*), Intisari Kebudayaan Brunei, DBP Brunei 1988, m.s. 55 - 64
7. Keunggulan Bahasa dan Sastera Melayu/Indonesia Menyongsong Tatanan Baru Dunia, (Badaruddin Othman, *Ucuptama I – Seminar Bahasa dan Sastera 2006*, Prosiding Seminar Bahasa Dan Sastera, DBP Brunei 2007, m.s. xxxiii – xlvii
8. Badaruddin Othman, *Teks Ucapan Perasmian Bengkel Pengajaran Bahasa Melayu dan Linguistik*, Anjuran Universiti Brunei Darussalam, 2002
9. Badaruddin Othman, *Teks Ucapan Penutupan Rasmi Pertemuan Sasterawan Brunei ke-3*, 2005 Anjuran Asterawani
10. Utamakanlah Bahasa Melayu, (*Kompilasi Titah dan Surat Keliling Mengenai Bahasa Melayu dan Tulisan Jawi*), DBP Brunei 2009
11. Menggugah Arus Menongkah Zaman, (*Buku Sempena Kenangan 40 Tahun Penubuhan DBP Brunei*)